

## Analisis Perbandingan Bahasa Suku Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah dengan Bahasa Melayu Standard Johor-Riau

*A Comparative Analysis of the Kagayan Ethnic Language on Banggi Island, Kudat, Sabah, with Standard Johor-Riau Malay*

MOHAMMAD NAJIB MASDUKIE & MOHAMMAD ROZI KASIM

### ABSTRAK

Suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah merupakan kaum minoriti yang mempunyai bahasa yang tersendiri berbeza daripada bahasa suku kaum yang lain. Terdapat beberapa permasalahan kajian yang timbul mengenai bahasa suku kaum Kagayan ini seperti masyarakat Malaysia kurang mengenali etnik minoriti yang terdapat di negeri Sabah khususnya suku kaum Kagayan. Hal ini demikian kerana suku kaum Kagayan ini mempunyai persamaan dari segi bahasa dengan suku kaum Bajau di Sabah. Selain itu, permasalahan kajian yang timbul adalah kepupusan bahasa kaum minoriti suku kaum Kagayan ini. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis dan membandingkan 200 kata dasar dalam bahasa masyarakat Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah, dengan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif di mana kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan untuk mengumpulkan data. Informan kajian bagi kajian ini merupakan seorang penduduk di Pulau Banggi, Kudat, Sabah yang juga merupakan Ketua Kebudayaan bagi Persatuan Etnik Kagayan di Sabah. Kajian ini berasaskan Teori Leksikostatistik yang diperkenalkan oleh Swadesh (1955). Pendekatan kualitatif deskriptif digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh dari lapangan. Senarai 200 kosa kata dasar Swadesh digunakan sebagai alat pengumpulan data. Data kosa kata dasar diperoleh dengan menggunakan senarai 200 kosa kata dasar Swadesh. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa suku kaum Kagayan dengan bahasa Melayu Standard Johor-Riau mempunyai perbezaan yang amat ketara. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa hubungan kekerabatan bahasa Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau ini berada pada peringkat rumpun bahasa. Kesimpulannya, hasil daripada kajian ini diharapkan dapat menengahkan bahasa suku kaum minoriti khususnya bahasa kaum Kagayan ini agar lebih banyak kajian dilakukan untuk memastikan bahasa ini tidak pupus ditelan zaman.

*Kata kunci:* Bahasa Kagayan; Bahasa Melayu Johor-Riau; budaya Kaum Kagayan

### ABSTRACT

The Kagayan ethnic group on Banggi Island, Kudat, Sabah, is a minority group with its own distinct language, which differs from the languages of other ethnic groups. Several research issues have emerged regarding the language of the Kagayan community, such as the limited recognition of minority ethnic groups in Malaysia, particularly the Kagayan in Sabah. This is mainly due to the similarities in language between the Kagayan and the Bajau ethnic groups in Sabah. Another issue that arises is the potential extinction of the Kagayan language and culture. The objective of this study is to analyze and compare 200 basic vocabulary words in the Kagayan language spoken by the community on Banggi Island, Kudat, Sabah, with Standard Johor-Riau Malay. The research methodology employed is qualitative, utilizing both literature review and fieldwork to collect data. The informant for this study is a resident of Banggi Island, Kudat, Sabah, who also serves as the Cultural Leader of the Kagayan Ethnic Association in Sabah. The study is based on the Lexicostatistical Theory introduced by Swadesh (1955). A descriptive qualitative approach is used to analyze the data obtained from the field. The 200-word Swadesh vocabulary list serves as the data collection tool. The results of the study show that the Kagayan language differs significantly from Standard Johor-Riau Malay. The findings also suggest that the relationship between the Kagayan language and Standard Johor-Riau Malay is at the level of the same language family. In conclusion, this study aims to highlight the language of the minority Kagayan ethnic group so that further research can be conducted to prevent the language from becoming extinct over time.

*Keywords:* Kagayan Language; Johor-Riau Malay; Kagayan culture

## PENDAHULUAN

Setiap bahasa mempunyai sebutan dan disiplin bahasa yang tersendiri termasuklah bahasa suku kaum minoriti seperti bahasa suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah. Sebutan dan disiplin bahasa yang unik ini menyebabkan bahasa sangat unik jika dikaji secara lebih mendalam. Bahasa suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah merupakan bahasa daripada kaum minoriti, iaitu kaum Kagayan atau disebut juga sebagai *Jama Mapun* yang bermaksud orang yang berasal daripada Pulau Mapun. Oleh itu, setiap bahasa termasuklah bahasa suku kaum mempunyai sebutan dan linguistik yang tersendiri seperti bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Kajian ini akan menghuraikan perbandingan bahasa suku kaum Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Perbandingan bahasa minoriti, iaitu bahasa kaum Kagayan dan bahasa minoriti, iaitu bahasa Melayu amat penting bagi melihat hubungan kedua-dua bahasa tersebut sama ada mempunyai hubungan yang dekat ataupun jauh. Sebagai contoh, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Rozi Kasim (2021) mendapati bahawa bahasa Jakun adalah salah satu dialek yang berasal daripada bahasa utama, iaitu bahasa Melayu Purba. Penemuan ini secara tidak langsung menyangkal pandangan Carey (1976) yang menganggap bahasa Jakun sudah hilang identitinya dan hanya meminjam kosa kata daripada bahasa Melayu sahaja. Kajian ini memberi kesan terhadap dunia penyelidikan kerana berdasarkan kajian sebegini dapat melihat hubungan sesuatu bahasa dan kaitan sesuatu bahasa itu dengan bahasa yang lain.

Perbandingan bahasa suku kaum Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau ini melibatkan perbandingan kosa kata dasar dalam kedua-dua bahasa ini. Harimurti (1988: 80) mengatakan bahawa untuk menentukan sejauh mana hubungan kekerabatan antara bahasa-bahasa maka perbandingan berdasarkan beberapa aspek bahasa tertentu perlu dilakukan seperti dari aspek fonologi dan morfologi. Oleh itu, kajian ini membandingkan kosa kata dasar dengan kata lain melihat aspek morfologi bahasa suku kaum Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Perbandingan ini dilakukan untuk melihat perbezaan kosa kata dasar dan sekaligus melihat hubungan antara bahasa Kagayan dengan bahasa Melayu. Perbandingan ini dilakukan dengan menggunakan 200 kosa kata dasar yang disarankan oleh Swadesh (1955: 133-137), manakala penentuan tahap kekerabatan

bahasa didasarkan pada jadual tingkat kekerabatan bahasa (Swadesh 1954b: 326).

## PENYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan disebabkan beberapa isu berkenaan dengan bahasa suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah. Permasalahan yang wujud ialah masyarakat Malaysia kurang mengenali etnik minoriti yang terdapat di negeri Sabah. Suku kaum Kagayan ini atau dikenali juga sebagai suku kaum *Jama Mapun* mempunyai persamaan dari segi bahasa dan budaya dengan suku kaum Bajau di Sabah. Namun begitu, suku kaum Kagayan ini mempunyai bahasa yang tersendiri dan unik. Masyarakat Sabah sendiri kurang mengenali etnik ini dan terkadang menganggap bahawa suku kaum Kagayan (*Jama Mapun*) ini merupakan suku kaum Kedayan kerana sebutan atau nama kaum yang seakan-akan sama. Kekeliruan masyarakat dalam mengenal pasti suku kaum ini merupakan salah satu permasalahan dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi merungkai permasalahan kajian ini.

Selain itu, permasalahan kajian ini ialah kepupusan bahasa bagi suku kaum minoriti seperti suku kaum Kagayan ini. Kepupusan bahasa ini berlaku apabila penutur natif bahasa tersebut tidak lagi menggunakan atau menuturkan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Kepupusan ini akan menyebabkan sesuatu masyarakat tidak mengenali asal usul kaum mereka khususnya dari aspek bahasa dan budaya yang diamalkan oleh kaum tersebut. Kepupusan bahasa atau bahasa mati ini berpunca daripada beberapa faktor seperti pengaruh bahasa asing, kedudukan geografi, migrasi, asimilasi bahasa dan sebagainya. Namun begitu, punca utama yang menyebabkan sesuatu bahasa atau budaya ini menjadi mati adalah disebabkan oleh sikap penutur tersebut. Menurut Russin dan Crystal (2002: 309) menyatakan bahawa punca utama kematian sesuatu bahasa selain daripada faktor fizikal dan psikologikal adalah sikap masyarakat penutur terhadap bahasa mereka sendiri yang menjadi faktor utama kepupusan sesebuah bahasa.

Di samping itu, permasalahan kajian ini ialah kurang kajian dalam negara yang dilakukan mengenai bahasa kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah. Kajian yang kurang mengenai suku ini akan menyebabkan kajian mengenai suku kaum ini tidak berkembang. Perkara ini akan menyebabkan kajian-

kajian akan datang tidak dapat dilakukan kerana pengkaji tidak dapat melihat permasalahan melalui kajian-kajian lepas. Kajian ini akan dapat dijadikan sebagai salah satu kajian rintis bagi pengkaji-pengkaji lain mengkaji mengenai bahasa suku kaum Kagayan ini. Kajian mengenai bahasa dan budaya sesuatu kaum khususnya suku kaum Kagayan ini perlu dijalankan bagi memastikan bahasa suku kaum ini. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan kerana permasalahan dalam kajian bagi bahasa suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah ini kurang dilakukan di dalam negara kita.

#### METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan metodologi kajian yang digunakan. Perkara yang merangkumi dalam metodologi kajian ini ialah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, kaedah penganalisan data dan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini.

#### REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Menurut Norfisah Mat Rabi (2020: 121) kajian kualitatif ialah pendekatan yang semula jadi atau natural untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Dengan kata lain, kaedah kualitatif ini merupakan kaedah yang bertujuan memahami perkara atau keadaan sebenar sesuatu fenomena dan konteks tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar. Kajian kualitatif ini merupakan kajian yang dijalankan melalui kajian lapangan. Menurut Silvermen (2011) dalam Norfisah Mat Rabi (2020: 121-122) kajian kualitatif berorientasikan pada penyiasatan atau penyelidikan di lapangan untuk mendapat perkataan atau imej seperti pemerhatian yang mendalam dan terperinci. Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah lapangan yang digunakan ialah kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual.

#### KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk kualitatif yang dijalankan untuk mendapat gambaran mengenai bahasa suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah. Data-data yang akan dikumpul perlu

dirancang dengan teliti bagi mendapatkan maklumat berkaitan bahasa suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah.

#### KAJIAN LAPANGAN

Kajian lapangan yang digunakan dalam kajian ini, ialah temu bual.

#### TEMU BUAL

Instrumen temu bual digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat berkaitan bahasa kaum Kagayan. Pertama sekali, kajian ini melakukan temu bual untuk mendapatkan maklumat mengenai kosa kata dasar bahasa Kagayan. Item-item temu bual atau perkataan yang disoal kepada informan adalah berdasarkan 200 kosa kata Swadesh (1955). Pembinaan item soalan ini secara berstruktur di mana informan perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh penyelidik dengan ringkas. Temu bual jenis berstruktur ini hanya menggunakan soalan-soalan yang telah ditentukan untuk dijawab oleh informan. Kosa kata dasar ini akan ditanya dalam bahasa Melayu Standard dan kemudian informan perlu menyebutkan kosa kata yang ditanya tersebut dalam bahasa suku kaum Kagayan. Temu bual akan dirakam untuk tujuan transkripsi semasa analisis data dijalankan.

#### SAMPEL KAJIAN

Prosedur pemilihan informan telah dilakukan bagi memastikan data yang dikumpul selaras dengan objektif yang ditetapkan. Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah *purposive sampling* iaitu penetapan ciri-ciri responden yang diperlukan dalam kajian ini. Berikut adalah ciri-ciri atau kriteria informan yang diperlukan:

1. Informan dalam kalangan suku kaum Kagayan.
2. Informan merupakan penutur asli bahasa suku kaum Kagayan.
3. Informan menetap di daerah Pulau Banggi, Kudat, Sabah.
4. Informan mempunyai alat artikulasi yang lengkap dan sempurna dari segi pendengaran.

#### KAEDAH ANALISIS DATA

Proses penganalisan data dalam kajian ini dilakukan terhadap dua peringkat iaitu, melalui data yang diperoleh daripada kajian kepustakaan dan data

yang diperoleh daripada kajian lapangan yang telah dibuat bagi melihat bahasa dan budaya suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah. Berikut merupakan analisis data melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan :

#### ANALISIS DATA KAJIAN LAPANGAN

Data kosa kata dasar yang dikumpul ini akan dianalisis menggunakan Teori Leksikostatistik yang diperkenalkan oleh Swadesh (1955). Kaedah menganalisis data akan dijelaskan dengan lebih lanjut pada kerangka teoretis Leksikostatistik.

#### KERANGKA TEORI

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah kerangka teori leksikostatistik. Teori ini digunakan untuk menentukan kekerabatan sesuatu

bahasa dengan bahasa lain. Perbandingan kosa kata ini menjelaskan perbezaan dan persamaan kosa kata sesuatu bahasa yang dibandingkan. Teori leksikostatistik ialah kaedah yang digunakan untuk menentukan tarikh atau usia sesuatu bahasa itu wujud dari sudut penemuan arkeologi (Gudschinsky 1956). Kosa kata dasar yang digunakan mempunyai beberapa ciri seperti bersifat menyeluruh yang bermaksud kosa kata dasar ini digunakan dalam semua bahasa di dunia.

Kerangka teori leksikostatistik dengan merujuk kepada senarai 200 kosa kata dasar yang disusun oleh Swadesh (1955: 133-137). Senarai kosa kata tersebut pada asalnya dalam bahasa Inggeris telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu standard. Jadual 1 memaparkan senarai asal yang digunakan oleh Swadesh (1955: 133-137), manakala Jadual 2 menunjukkan senarai yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu standard.

JADUAL 1. Senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan dalam kaedah perbandingan

Senarai 200 Kosa Kata Dasar Swadesh			
1. <i>ashes</i>	2. <i>left</i>	3. <i>laugh</i>	4. <i>all</i>
5. <i>bark</i>	6. <i>liver</i>	7. <i>lie</i>	8. <i>at</i>
9. <i>bird</i>	10. <i>many</i>	11. <i>louse</i>	12. <i>because</i>
13. <i>blow</i>	14. <i>mouth</i>	15. <i>mother</i>	16. <i>bite</i>
17. <i>child</i>	18. <i>neck</i>	19. <i>narrow</i>	20. <i>bone</i>
21. <i>count</i>	22. <i>not</i>	23. <i>night</i>	24. <i>cloud</i>
25. <i>dig</i>	26. <i>person</i>	27. <i>one</i>	28. <i>cut</i>
29. <i>dry</i>	30. <i>rain</i>	31. <i>pull</i>	32. <i>dirty</i>
33. <i>earth</i>	34. <i>river</i>	35. <i>right- correct</i>	36. <i>dull</i>
37. <i>fall</i>	38. <i>rotten</i>	39. <i>root</i>	40. <i>eat</i>
41. <i>fear</i>	42. <i>say</i>	43. <i>salt</i>	44. <i>far</i>
45. <i>fire</i>	46. <i>seed</i>	47. <i>sea</i>	48. <i>feather</i>
49. <i>flow</i>	50. <i>sing</i>	51. <i>sharp</i>	52. <i>fish</i>
53. <i>foot</i>	54. <i>sleep</i>	55. <i>skin</i>	56. <i>flower</i>
57. <i>give</i>	58. <i>smooth</i>	59. <i>smell</i>	60. <i>four</i>
61. <i>guts</i>	62. <i>spit</i>	63. <i>green</i>	64. <i>good</i>
65. <i>head</i>	66. <i>stand</i>	67. <i>he</i>	68. <i>hair</i>
69. <i>here</i>	70. <i>straight</i>	71. <i>heavy</i>	72. <i>hear</i>
73. <i>hunt</i>	74. <i>swim</i>	75. <i>how</i>	76. <i>hit</i>
77. <i>if</i>	78. <i>they</i>	79. <i>ice</i>	80. <i>husband</i>
81. <i>lake</i>	82. <i>this</i>	83. <i>know</i>	84. <i>in</i>
85. <i>animal</i>	86. <i>leaf</i>	87. <i>and</i>	88. <i>leg</i>
89. <i>bad</i>	90. <i>live</i>	91. <i>back</i>	92. <i>long</i>
93. <i>big</i>	94. <i>man-male</i>	95. <i>belly</i>	96. <i>meat-flesh</i>
97. <i>blood</i>	98. <i>mount</i>	99. <i>black</i>	100. <i>name</i>
101. <i>burn</i>	102. <i>near</i>	103. <i>breathe</i>	104. <i>new</i>
105. <i>come</i>	106. <i>nose</i>	107. <i>cold</i>	108. <i>old</i>

*bersambung ...*

... sambungan

109. <i>die</i>	110. <i>other</i>	111. <i>day</i>	112. <i>play</i>
113. <i>drink</i>	114. <i>push</i>	115. <i>dog</i>	116. <i>red</i>
117. <i>ear</i>	118. <i>rightside</i>	119. <i>dust</i>	120. <i>road</i>
121. <i>eye</i>	122. <i>rope</i>	123. <i>egg</i>	124. <i>rub</i>
125. <i>father</i>	126. <i>sand</i>	127. <i>fat-grease</i>	128. <i>scratch</i>
129. <i>fight</i>	130. <i>see</i>	131. <i>few</i>	132. <i>sew</i>
133. <i>float</i>	134. <i>short</i>	135. <i>five</i>	136. <i>sit</i>
137. <i>fog</i>	138. <i>sky</i>	139. <i>fly</i>	140. <i>small</i>
141. <i>fruit</i>	142. <i>smoke</i>	143. <i>freeze</i>	144. <i>snake</i>
141. <i>fruit</i>	142. <i>smoke</i>	143. <i>freeze</i>	144. <i>snake</i>
145. <i>snow</i>	146. <i>some</i>	147. <i>grass</i>	148. <i>split</i>
149. <i>squeeze</i>	150. <i>stab-pierce</i>	151. <i>hand</i>	152. <i>star</i>
153. <i>stick</i>	154. <i>stone</i>	155. <i>heart</i>	156. <i>suck</i>
157. <i>sun</i>	158. <i>swell</i>	159. <i>hold-take</i>	160. <i>tail</i>
161. <i>that</i>	162. <i>there</i>	163. <i>I</i>	164. <i>thick</i>
165. <i>thin</i>	166. <i>think</i>	167. <i>kill</i>	168. <i>thou</i>
169. <i>three</i>	170. <i>throw</i>	171. <i>tie</i>	172. <i>tongue</i>
173. <i>tooth</i>	174. <i>tree</i>	175. <i>turn</i>	176. <i>two</i>
177. <i>vomit</i>	178. <i>walk</i>	179. <i>warm</i>	180. <i>wash</i>
181. <i>water</i>	182. <i>we</i>	183. <i>wet</i>	184. <i>what</i>
185. <i>when</i>	186. <i>where</i>	187. <i>white</i>	188. <i>who</i>
189. <i>wide</i>	190. <i>wife</i>	191. <i>wind</i>	192. <i>wing</i>
193. <i>wipe</i>	194. <i>with</i>	195. <i>women</i>	196. <i>woods</i>
197. <i>worm</i>	198. <i>ye</i>	199. <i>year</i>	200. <i>yellow</i>

Sumber: Dipetik daripada Swadesh (1955: 133-137).

JADUAL 2. Senarai 200 kosa kata dasar yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu standard

Senarai 200 Kosa Kata Dasar Terjemahan Bahasa Melayu Standard				
1. debu	2. kiri	3. ketawa	4. semua	
5. kulit pokok	6. jantung	7. tipu	8. di	
9. burung	10. banyak	11. kutu	12. kerana	
13. tiup	14. mulut	15. emak	16. gigit	
17. kanak-kanak	18. leher	19. sempit	20. tulang	
21. hitung	22. tidak	23. malam	24. awan	
25. gali	26. orang	27. satu	28. potong	
29. kering	30. hujan	31. tarik	32. kotor	
33. tanah	34. sungai	35. betul	36. tumpul	
37. jatuh	38. reput	39. akar	40. makan	
41. takut	42. ungkap	43. garam	44. jauh	
45. api	46. benih	47. laut	48. bulu	
49. alir	50. nyanyi	51. tajam	52. ikan	
53. kaki	54. tidur	55. kulit	56. bunga	
57. beri	58. lembut	59. hidu	60. empat	
61. tamak	62. mudah	63. hijau	64. baik	
65. kepala	66. berdiri	67. dia	68. rambut	
69. sini	70. lurus	71. berat	72. dengar	
73. buru	74. renang	75. bagaimana	76. pukul	

bersambung ...

... *sambungan*

77.	jika	78.	mereka	79.	ais	80.	laki
81.	tasik	82.	ini	83.	tahu	84.	dalam
85.	binatang	86.	daun	87.	dan	88.	kaki
89.	jahat	90.	hidup	91.	belakang	92.	panjang
93.	besar	94.	lelaki	95.	perut	96.	isi
97.	darah	98.	gunung	99.	hitam	100.	nama
101.	bakar	102.	dekat	103.	nafas	104.	baru
105.	datang	106.	hidung	107.	sejuk	108.	tua
109.	mati	110.	lain	111.	siang	112.	main
113.	minum	114.	tolak	115.	anjing	116.	merah
117.	telinga	118.	kanan	119.	habuk	120.	jalan
121.	mata	122.	tali	123.	telur	124.	gosok
125.	bapa	126.	pasir	127.	lemak	128.	calar
129.	lawan	130.	lihat	131.	sikit	132.	jahit
133.	apung	134.	pendek	135.	lima	136.	duduk
137.	kabus	138.	langit	139.	terbang	140.	kecil
141.	buah	142.	asap	143.	beku	144.	ular
145.	salji	146.	banyak	147.	rumput	148.	pisah
149.	picit	150.	tikam	151.	tangan	152.	bintang
153.	tongkat	154.	batu	155.	hati	156.	hisap
157.	matahari	158.	bengkak	159.	pegang	160.	ekor
161.	itu	162.	sana	163.	saya	164.	tebal
165.	kurus	166.	fikir	167.	bunuh	168.	awak
169.	tiga	170.	buang	171.	ikat	172.	lidah
173.	gigi	174.	pokok	175.	pusing	176.	dua
177.	muntah	178.	jalan	179.	panas	180.	basuh
181.	air	182.	kami	183.	basah	184.	apa
185.	bila	186.	di mana	187.	putih	188.	siapa
189.	lebar	190.	isteri	191.	angin	192.	sayap
193.	lap	194.	dengan	195.	wanita	196.	kayu
197.	cacing	198.	kamu	199.	tahun	200.	kuning

*Sumber:* Diubah suai daripada Swadesh (1955: 133-137)

Penerapan kaedah glotokronologi digunakan untuk menentukan waktu pisah dialek atau bahasa yang dibandingkan. Menurut Swadesh (1955: 123) rumus umum yang digunakan untuk

$$t = \frac{\log c}{2 \log r}$$

- t = Waktu pisah dalam ribuan tahun  
 c = Peratus kata bersanak  
 r = Kadar retensi kosa kata dalam 1,000 tahun dan angka yang digunakan ialah 86% atau 0.86 (untuk 100 kata) dan 81% atau 0.81 (untuk 200 kata)

JADUAL 3. Jadual tingkat kekerabatan bahasa

Tingkat Kekerabatan	Abad Pisah	Peratus Kata Berkognat
Bahasa	0-5 Abad	100-81 kata
Keluarga Bahasa	5-25 Abad	81-36 kata
Rumpun Bahasa	25-50 Abad	36-12 kata
Mikrofilum	50-75 Abad	12-4 kata
Mesofilum	75-100 Abad	4-1 kata
Makrofilum	100 Abad dan ke atas	Kurang daripada 1 kata

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Swadesh (1954a: 326)

Data daripada kosa kata dasar ini akan dianalisis menggunakan Teori Leksikostatistik. Pada langkah pertama, kosa kata dasar bahasa suku kaum Kagayan dikumpulkan melalui temu bual dan dibandingkan dengan kosa kata dasar bahasa Melayu standard. Dalam kajian ini, temu bual dijalankan dengan informan menggunakan soalan-soalan yang berdasarkan senarai 200 kosa kata dasar yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu standard.

Kemudian, langkah seterusnya ialah semasa proses pengumpulan data kosa kata dasar bahasa Kagayan ini, semua kata majmuk dan kata pinjaman perlu ditolak hanya 200 kosa kata dasar yang disenaraikan yang akan dianalisis. Kata terbitan yang wujud semasa pengumpulan data juga akan dibuang kerana hanya kosa kata dasar sahaja yang akan digunakan untuk tujuan perbandingan.

Setelah proses penapisan selesai, langkah perbandingan kosa kata dasar dijalankan untuk menentukan jumlah kosa kata yang berbeza dan berkognat antara bahasa suku kaum Kagayan dan

bahasa Melayu standard. Kosa kata berkognat mesti seratus peratus sama dari segi bentuk dan makna. Peratusan kosa kata yang berkait antara kedua bahasa diperoleh dengan membahagikan jumlah kosa kata berkognat dengan jumlah kosa kata yang telah dibandingkan sebelum ini, iaitu jumlah kata setelah mengeluarkan kosa kata yang tidak diperlukan. Oleh itu, kerangka teoretis Leksikostatistik akan digunakan bagi menganalisis 200 kosa dasar bahasa kagayan ini. Kaedah menganalisis data ini akan dijelaskan lebih lanjut dalam kerangka teoretis leksikostatistik.

#### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan senarai 200 kosa kata dasar Swadesh (1955) yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu Standard Dialek Johor-Riau dan dibandingkan dengan bahasa kaum Kagayan (*Jama Mapun*).

JADUAL 4. 200 kosa kata dasar yang diubah suai dan dibandingkan dengan bahasa kaum Kagayan

Bil	Bahasa Melayu Standard	Sebutan Bahasa Kagayan ( <i>Jama Mapun</i> )
1	semua	[ka.mi.møn]
2	dan	[ma.ka]
3	binatang	[hay.yoʔ]
4	debu	[ka.tu] [mo.məʔ]
5	di	[əm.man]
6	belakang	[bu.kut]
7	jahat	[maʔat]
8	kulit pokok	[ku.wit po.høn]
9	kerana	[sa.ba.pan]
10	perut	[bət.tøn]
11	besar	[me.he]

bersambung ...

... sambungan

---

12	burung	[ma.nu?.ma.nu?]
13	gigit	[ki.ney.ket]
14	hitam	[hi.təm]
15	darah	[la.haʔ]
16	tiup	[ti.yup]
17	tulang	[to.waŋ]
18	nafas	[na.pas]
19	bakar	[ti.nu.nu]
20	kanak-kanak	[da.ka.naʔ] [a.naʔ.a.naʔ]
21	awan	[ta.hi bə.li.yu]
22	sejuk	[tən.ney]
23	datang	[təʔ.kah]
24	hitung	[ŋi.tuŋ]
25	potong	[pi.nəŋ]
26	siang	[əl.law]
27	mati	[ma.təy]
28	gali	[kiy.na.li]
29	kotor	[la.maʔ]
30	anjing	[hi.dəʔ]
31	minum	[ŋi.num]
32	kering	[ləŋ.guh]
33	tumpul	[tom.pə]
34	habuk	[ha.məh]
35	telinga	[ti.ŋa]
36	tanah	[ta.na]
37	makan	[ma.ŋan]
38	telur	[in.təl.lə]
39	mata	[ma.ta]
40	jatuh	[la.buʔ]
41	jauh	[ta]
42	lemak	[ta.bah]
43	bapa	[əm.maʔ]
44	takut	[ta.hu]
45	bulu	[buh]
46	sikit	[dəŋ.ki.ti]
47	lawan	[a.tu]
48	api	[a.pi]
49	ikan	[da.yiŋ]
50	lima	[li.ma]
51	apung	[pa.han.tup]
52	alir	[gin.ti.san]
53	bunga	[sum.piŋ]
54	terbang	[lo.meŋ]
55	kabus	[ka.bus]
56	kaki	[bat.tis]
57	empat	[əm.pat]

---

bersambung ...



... sambungan

---

58	beku	[to.has]
59	buah	[bu.wah ka.yu]
60	beri	[mu.wan]
61	baik	[ma.hap]
62	rumput	[lum.put]
63	hijau	[ga.ruŋ]
64	tamak	[ku.ri.put]
65	rambut	[bu.təʔ.kəʔ]
66	tangan	[ta.ŋan]
67	dia	[hi.ya]
68	kepala	[tə.kəʔ]
69	dengar	[ta.ka.ley]
70	hati	[a.toy]
71	berat	[bo.hat]
72	sini	[un.tu.hu]
73	pukul	[paŋ.kuŋ]
74	pegang	[ŋan.tan]
75	bagaimana	[po.ʔoy]
76	buru	[bu.ru]
77	laki	[əl.la]
78	saya	[a.ku]
79	ais	[a.yis]
80	jika	[u.pa.ma] [boŋ]
81	dalam	[la.həm]
82	bunuh	[bi.no.nəʔ]
83	tahu	[to.ən]
84	tasik	[sa.pah]
85	ketawa	[tət.to]
86	daun	[da.wun]
87	kiri	[kay.li]
88	kaki	[bət.tis]
89	tipu	[ti.pu]
90	hidup	[əl.ləm]
91	jantung	[jan.tuŋ]
92	panjang	[ta.ha]
93	kutu	[ku.tu]
94	lelaki	[ləl.la]
95	banyak	[me.ka]
96	isi	[i.si]
97	emak	[ən.nəʔ]
98	gunung	[pu.nu]
99	mulut	[be.he]
100	nama	[a.un]
101	sempit	[sip.pit]
102	dekat	[ta.pit]

---

bersambung ...

... sambungan

---

103	leher	[kəɭ.ləŋ]
104	baru	[ba.ha.hu]
105	malam	[sa.ŋəm]
106	hidung	[səm.məh]
107	tidak	[ni.yaʔ]
108	tua	[to.a]
109	satu	[di.su]
110	lain	[sa.ri.hi]
111	orang	[ja.ma]
112	main	[ku.li.ku.li]
113	tarik	[ni.hel.la]
114	tolak	[si.nu.gan]
115	hujan	[u.wan]
116	merah	[ak.kəd]
117	betul	[ba.na]
118	kanan	[kaw.wu.nan]
119	sungai	[soŋ]
120	jalan	[lan]
121	akar	[ga.mut]
122	tali	[ta.li]
123	reput	[ga.buʔ]
124	gosok	[si.nu.sut]
125	garam	[ti.mus]
126	pasir	[u.ŋus]
127	ungkap	[bis.sa.lah]
128	calar	[ga.hit]
129	laut	[di.la.hut]
130	lihat	[ŋən.da]
131	benih	[ba.ni]
132	jahit	[na.hiʔ]
133	tajam	[ta.həm]
134	pendek	[pon.doʔ]
135	nyanyi	[ŋa.laŋ]
136	duduk	[niŋ.kə]
137	kulit	[ku.wit]
138	langit	[la.ŋit]
139	tidur	[tu.li]
140	kecil	[di.ki]
141	hidu	[ŋa.haŋ.guʔ]
142	asap	[hum.bu]
143	lembut	[ləm.mah]
144	ular	[so]
145	salji	[la.hat a.yis]
146	banyak	[me.ka]
147	ludah	[lu.rah]
148	pisah	[seʔ.kat]
149	picit	[məh.sih]

---

bersambung ...

... sambungan

---

150	tikam	[ŋan.duŋ.suh]
151	berdiri	[neŋ.geh]
152	bintang	[po.te.han]
153	tongkat	[tuŋ.kud]
154	batu	[ba.tu]
155	lurus	[hin.ton]
156	hisap	[ŋə,sop]
157	matahari	[ma.ta.hil.law]
158	bengkak	[ba.haʔ]
159	renang	[lu.ma.gih]
160	ekor	[hin.koh]
161	itu	[hi.lo.hoy] [hi.lay]
162	sana	[sa.na]
163	mereka	[si.la]
164	tebal	[ka.pa]
165	kurus	[hu.suʔ]
166	fikir	[pi.ki.lan]
167	ini	[hi.tu.hu]
168	awak	[ka.hu]
169	tiga	[təl.lu]
170	buang	[ti.ni.ma.nan]
171	ikat	[ni.hiŋ.ko.tan]
172	lidah	[dəl.la]
173	gigi	[him.pən]
174	pokok	[po.hən ka.yu]
175	pusing	[pa.li.put]
176	dua	[du.wa]
177	muntah	[hu.tah]
178	jalan	[lu.maʔan]
179	panas	[pa.suh]
180	basuh	[ŋo.səʔ]
181	air	[bo.hey]
182	kami	[ka.mi]
183	basah	[ba.seh]
184	apa	[oy]
185	bila	[əm.bi.lan]
186	di mana	[niŋ.ga.hiy]
187	putih	[po.te]
188	siapa	[soy]
189	lebar	[lam.bu]
190	isteri	[ən.dah]
191	angin	[bə.li.yu]
192	sayap	[piʔ.piʔ]
193	lap	[tə.ra.pu]
194	dengan	[ma.ka]
195	wanita	[ka.dan.da.han]

---

bersambung ...

... *sambungan*

196	kayu	[ka.yu]
197	cacing	[an.dah.ʔan.dah]
198	kamu	[ka.ham]
199	tahun	[ta.un]
200	kuning	[ku.nit]

Setelah 200 kosa kata dasar bahasa Kagayan dikumpulkan di lapangan, semua senarai 200 kosa kata tersebut akan dibandingkan dengan kosa kata dasar bahasa Melayu Standard Johor-Riau untuk

menilai tingkat kekerabatan antara kedua bahasa tersebut. Berikut merupakan jadual perbandingan kedua-dua bahasa:

JADUAL 5. Perbandingan kosa kata dasar antara bahasa Melayu Standard Dialek Johor-Riau dengan bahasa Kagayan

Bil	Kosa Kata Dasar	Perbandingan		Kognat
		Bahasa Melayu Standard	Bahasa Kagayan	
1	semua	[səmuwə]	[ka.mi.mən]	-
2	dan	[dan]	[ma.ka]	-
3	binatang	[binataŋ]	[hay.yoʔ]	-
4	debu	[dəbu]	[ka.tu] [mo.məʔ]	-
5	di	[di]	[əm.man]	-
6	belakang	[bəlakaŋ]	[bu.kut]	-
7	jahat	[dʒahat]	[maʔat]	-
8	kulit pokok	[kulet] [pokoʔ]	[ku.wit po.hən]	-
9	kerana	[kəranə]	[sa.ba.pan]	-
10	perut	[pərot]	[bət.təŋ]	-
11	besar	[bəsə]	[me.he]	-
12	burung	[burəŋ]	[ma.nuʔ.ma.nuʔ]	<b>Ditolak (kata ganda)</b>
13	gigit	[giget]	[ki.ney.ket]	-
14	hitam	[hitam]	[hi.təm]	+
15	darah	[darah]	[la.haʔ]	-
16	tiup	[tiyop]	[ti.yup]	+
17	tulang	[tulaŋ]	[to.waŋ]	-
18	nafas	[nafas]	[na.pas]	+
19	bakar	[baka]	[ti.nu.nu]	-
20	kanak-kanak	[kanaʔkanaʔ]	[da.ka.naʔ] [a.naʔ.a.naʔ]	<b>Ditolak (kata ganda)</b>
21	awan	[awan]	[ta.hi bə.li.yu]	-
22	sejuk	[sədʒoʔ]	[tən.nəy]	-
23	datang	[datan]	[təʔ.kah]	-
24	hitung	[hitəŋ]	[ŋi.tuŋ]	+
25	potong	[potəŋ]	[pi.nəŋ]	-
26	siang	[siyaŋ]	[əl.law]	-
27	mati	[mati]	[ma.təy]	+
28	gali	[gali]	[kiy.na.li]	-
29	kotor	[koto]	[la.maʔ]	-
30	anjing	[andʒeŋ]	[hi.dəʔ]	-

*bersambung ...*

... sambungan

31	minum	[minum]	[ŋi.num]	+
32	kering	[kəreŋ]	[ləŋ.guh]	-
33	tumpul	[tumpol]	[tom.pɔ]	-
34	habuk	[haboʔ]	[ha.məh]	-
35	telinga	[təliŋə]	[ti.ŋa]	-
36	tanah	[tanah]	[ta.na]	+
37	makan	[makan]	[ma.ŋan]	-
38	telur	[təlɔ]	[in.təl.lɔ]	+
39	mata	[matə]	[ma.ta]	+
40	jatuh	[dʒatoh]	[la.buʔ]	-
41	jauh	[dʒawoh]	[ta]	-
42	lemak	[ləmaʔ]	[ta.bah]	-
43	bapa	[bapaʔ]	[əm.maʔ]	-
44	takut	[takot]	[ta.hu]	-
45	bulu	[bulu]	[buh]	-
46	sikit	[sikit]	[dəŋ.ki.ti]	-
47	lawan	[lawan]	[a.tu]	-
48	api	[api]	[a.pi]	-
49	ikan	[ikan]	[da.yiŋ]	-
50	lima	[limə]	[li.ma]	+
51	apung	[apoŋ]	[pa.han.tup]	-
52	alir	[ale]	[gin.ti.san]	-
53	bunga	[buŋə]	[sum.piŋ]	-
54	terbang	[tərbaŋ]	[lo.mɛŋ]	-
55	kabus	[kabos]	[ka.bus]	-
56	kaki	[kaki]	[bat.tis]	-
57	empat	[əmpat]	[əm.pat]	+
58	beku	[bəkʉ]	[to.has]	-
59	buah	[buwah]	[bu.wah ka.yu]	+
60	beri	[bəri]	[mu.wan]	-
61	baik	[bayek]	[ma.hap]	-
62	rumput	[rumpot]	[lum.put]	+
63	hijau	[hidʒaw]	[ga.ruŋ]	-
64	tamak	[tamaʔ]	[ku.ri.put]	-
65	rambut	[rambot]	[bu.təʔ.kəʔ]	-
66	tangan	[taŋan]	[ta.ŋan]	+
67	dia	[diyə]	[hi.ya]	+
68	kepala	[kepalə]	[tə.kəʔ]	-
69	dengar	[dəŋa]	[ta.ka.ley]	-
70	hati	[hati]	[a.tɔy]	-
71	berat	[bərat]	[bo.hat]	-
72	sini	[sini]	[un.tu.hu]	-
73	pukul	[pukol]	[paŋ.kuŋ]	-
74	pegang	[pəgaŋ]	[ŋan.tan]	-
75	bagaimana	[bagaimanə]	[po.ʔoy]	-
76	buru	[buru]	[bu.ru]	+

bersambung ...

... sambungan

77	laki	[laki]	[əl.la]	-
78	saya	[sayə]	[a.ku]	-
79	ais	[ayis]	[a.yis]	+
80	jika	[dʒikə]	[u.pa.ma] [boŋ]	-
81	dalam	[dalam]	[la.həm]	-
82	bunuh	[bunoh]	[bi.no.nɔʔ]	-
83	tahu	[tahu]	[to.ən]	-
84	tasik	[taseʔ]	[sa.pah]	-
85	ketawa	[kətawə]	[tət.to]	-
86	daun	[dawon]	[da.wun]	+
87	kiri	[kiri]	[kay.li]	-
88	kaki	[kaki]	[bət.tis]	<b>Ditolak (sudah dibanding dalam 56)</b>
89	tipu	[tipu]	[ti.pu]	+
90	hidup	[hidop]	[əl.ləm]	-
91	jantung	[dʒantɔŋ]	[dʒan.tuŋ]	+
92	panjang	[pandʒaŋ]	[ta.ha]	-
93	kutu	[kutu]	[ku.tu]	+
94	lelaki	[ləlaki]	[lə.la]	-
95	banyak	[banyaʔ]	[me.ka]	-
96	isi	[isi]	[i.si]	+
97	emak	[əmaʔ]	[ən.neʔ]	-
98	gunung	[gunoŋ]	[pu.nu]	-
99	mulut	[mulot]	[be.he]	-
100	nama	[namə]	[a.un]	-
101	sempit	[səmpet]	[sip.pit]	-
102	dekat	[dəkat]	[ta.pit]	-
103	leher	[lehe]	[kəl.ləŋ]	-
104	baru	[baru]	[ba.ha.hu]	-
105	malam	[malam]	[sa.ŋəm]	-
106	hidung	[hidon]	[səm.məh]	-
107	tidak	[tidaʔ]	[ni.yaʔ]	-
108	tua	[tuwə]	[to.a]	+
109	satu	[satu]	[di.su]	-
110	lain	[layen]	[sa.ri.hi]	-
111	orang	[oraŋ]	[dʒa.ma]	-
112	main	[mayen]	[ku.li.ku.li]	-
113	tarik	[tareʔ]	[ni.həl.la]	-
114	tolak	[tolaʔ]	[si.nu.gan]	-
115	hujan	[hudʒan]	[u.wan]	-
116	merah	[merah]	[ak.kəd]	-
117	betul	[bətɔl]	[ba.na]	-
118	kanan	[kanan]	[kaw.wu.nan]	-

bersambung ...

... sambungan

119	sungai	[sungai]	[soŋ]	-
120	jalan	[dʒalan]	[lan]	-
121	akar	[aka]	[ga.mut]	-
122	tali	[tali]	[ta.li]	+
123	reput	[rəpət]	[ga.buʔ]	-
124	gosok	[gosoʔ]	[si.nu.sut]	-
125	garam	[garam]	[ti.mus]	-
126	pasir	[pase]	[u.ŋus]	-
127	ungkap	[uŋkap]	[bis.sa.lah]	-
128	calar	[ʃala]	[ga.hit]	-
129	laut	[lawot]	[di.la.hut]	-
130	lihat	[lihat]	[ŋən.da]	-
131	benih	[bəneh]	[ba.ni]	+
132	jahit	[dʒahet]	[na.hiʔ]	-
133	tajam	[tadzam]	[ta.həm]	-
134	pendek	[pendəʔ]	[pon.doʔ]	+
135	nyanyi	[əəŋi]	[ŋa.laŋ]	-
136	duduk	[duduʔ]	[niŋ.kə]	-
137	kulit	[kulit]	[ku.wit]	+
138	langit	[laŋit]	[la.ŋit]	+
139	tidur	[tido]	[tu.li]	-
140	kecil	[kəʃel]	[di.ki]	-
141	hidu	[hidu]	[ŋa.har.guʔ]	-
142	asap	[asap]	[hum.bu]	-
143	lembut	[ləmbot]	[ləm.mah]	-
144	ular	[ula]	[so]	-
145	salji	[saldʒi]	[la.hat a.yis]	-
146	banyak	[baəaʔ]	[me.ka]	<b>Ditolak (sudah dibanding dalam 95)</b>
147	ludah	[ludah]	[lu.rah]	+
148	pisah	[pisah]	[seʔ.kat]	-
149	picit	[piʃet]	[məh.sih]	-
150	tikam	[tikam]	[ŋan.duŋ.suh]	-
151	berdiri	[bərdiri]	[neŋ.gəh]	-
152	bintang	[bintaŋ]	[po.te.han]	-
153	tongkat	[toŋkat]	[tuŋ.kud]	-
154	batu	[batu]	[ba.tu]	+
155	lurus	[luros]	[hin.toŋ]	-
156	hisap	[hisap]	[ŋə.sop]	-
157	matahari	[matahari]	[ma.ta.hil.law]	-
158	bengkak	[bəŋkaʔ]	[ba.haʔ]	-
159	renang	[rənaŋ]	[lu.ma.gih]	-
160	ekor	[eko]	[hin.koh]	-
161	itu	[itu]	[hi.lo.hoy] [hi.lay]	-

bersambung ...

... sambungan

162	sana	[sanə]	[sa.na]	+
163	mereka	[mərəkə]	[si.la]	-
164	tebal	[təbal]	[ka.pa]	-
165	kurus	[kuros]	[hu.suʔ]	-
166	fikir	[fike]	[pi.ki.lan]	+
167	ini	[ini]	[hi.tu.hu]	-
168	awak	[awaʔ]	[ka.hu]	-
169	tiga	[tigə]	[təl.lu]	-
170	buang	[buwaŋ]	[ti.ni.ma.nan]	-
171	ikat	[ikat]	[ni.hiŋ.ko.tan]	-
172	lidah	[lidah]	[dəl.la]	-
173	gigi	[gigi]	[him.pən]	-
174	pokok	[pokoʔ]	[po.hən ka.yu]	-
175	pusing	[pusiŋ]	[pa.li.put]	-
176	dua	[duwə]	[du.wa]	+
177	muntah	[muntah]	[hu.tah]	+
178	jalan	[dʒalan]	[lu.maʔan]	<b>Ditolak (sudah dibanding dalam 120)</b>
179	panas	[panas]	[pa.suh]	-
180	basuh	[basoh]	[ŋo.səʔ]	-
181	air	[ayer]	[bo.hey]	-
182	kami	[kami]	[ka.mi]	+
183	basah	[basah]	[ba.seh]	+
184	apa	[apə]	[oy]	-
185	bila	[bilə]	[əm.bi.lan]	-
186	di mana	[di mane]	[niŋ.ga.hiy]	-
187	putih	[puteh]	[po.te]	+
188	siapa	[siyapə]	[soy]	-
189	lebar	[leba]	[lam.bu]	-
190	isteri	[istəri]	[ən.dah]	-
191	angin	[aŋin]	[bə.li.yu]	-
192	sayap	[sayap]	[piʔ.piʔ]	-
193	lap	[lap]	[tə.ra.pu]	-
194	dengan	[dəŋan]	[ma.ka]	-
195	wanita	[wanita]	[ka.dan.da.han]	-
196	kayu	[kayu]	[ka.yu]	+
197	cacing	[ʃaʃeŋ]	[an.dah an.dah]	-
198	kamu	[kamu]	[ka.ham]	-
199	tahun	[tahon]	[ta.un]	+
200	kuning	[kunen]	[ku.nit]	-



Jumlah kosa kata yang ditolak	=	5
Jumlah kosa kata yang dibandingkan (200 – 5)	=	195
Jumlah kosa kata yang berkognat (195 – 155)	=	40
Peratusan kosa kata berkognat	=	20.51 %

Jadual 5 merupakan hasil dapatan bagi perbandingan antara kosa kata dasar bahasa Kagayan dan bahasa Melayu Standard Dialek Johor-Riau. Hasil analisis dapatan kajian yang dilakukan, didapati sebanyak lima kosa kata dasar yang ditolak menyebabkan hanya 195 kosa kata dasar sahaja yang dibandingkan. Kosa kata dasar ini ditolak kerana wujud pengulangan kata seperti data pada nombor 56 dan nombor 88 iaitu kata kaki. Oleh itu, hanya satu data sahaja yang akan digunakan untuk dibandingkan iaitu data pada nombor 55 manakala data pada nombor 88 akan ditolak atau dibuang. Selain itu, terdapat juga data yang ditolak yang terdiri daripada kata ganda, iaitu kosa kata dasar burung yang disebut [ma.nu?.ma.nu?] juga ditolak disebabkan merupakan bentuk kata ganda. Walaupun bagaimanapun, jumlah kosa kata yang berkognat adalah tinggi, iaitu sebanyak 40 kata bersamaan dengan 20.51%. Hal ini demikian kerana

terdapat kosa kata yang bersinonim, seperti [sanə] dalam bahasa Melayu Standard dan [sana] dalam bahasa Kagayan yang bermaksud sana dianggap sebagai kata berkognat. Selain perkataan yang bersinonim, kosa kata yang mempunyai bunyi yang lebih kurang sama juga diterima sebagai kata yang berkognat, seperti kata dasar muntah dalam bahasa Kagayan disebut [hu.tah] dan dalam bahasa Melayu Standard disebut [mun.tah].

Setelah mendapat peratusan kosa kata dasar yang berkognat diperoleh, peratusan tersebut akan digunakan untuk menentukan tingkat kekerabatan antara bahasa Kagayan dengan bahasa Melayu Standard. Jadual 6 menunjukkan jadual tingkat kekerabatan bahasa. Berdasarkan jadual tersebut, bahasa Kagayan dan bahasa Melayu Standard tergolong dalam rumpun bahasa yang sama, dengan tempoh masa terpisah antara 25 hingga 50 abad. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Kagayan dan bahasa Melayu Standard merupakan bahasa yang berada di bawah rumpun bahasa yang sama. Justeru, dapat dirumuskan bahawa bahasa Kagayan dan bahasa Melayu Standard Dialek Johor-Riau berada pada tingkat kekerabatan ketiga dalam jadual kekerabatan Gudschinsky (1956), iaitu **rumpun bahasa**. Jadual di bawah merupakan senarai tingkat kekerabatan bahasa (Gudschinsky 1956):

JADUAL 6. Senarai Tingkat Kekerabatan Bahasa

Tingkat kekerabatan	Abad pisah	Peratusan kata berkognat
Bahasa	0-5 abad	81-100
Keluarga bahasa	5-25 abad	36-81
Rumpun bahasa	25-50 abad	12-36
Mikrofilum	50-75 abad	4-12
Mesofilum	75-100 abad	1-4
Makrofilum	100 abad ke atas	Kurang daripada 1

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Gudschinsky (1956)

Sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai hubungan tingkat kekerabatan bahasa kaum Kagayan dan bahasa Melayu. Perbincangan akan menjurus kepada penerangan bagi setiap tingkat kekerabatan bagi menjelaskan dengan lebih lanjut perbandingan setiap tingkat kekerabatan bahasa tersebut. Pertama sekali, penjelasan mengenai filum

bahasa. Filum bahasa ini merupakan bahasa yang berusia 5000 tahun ke atas atau bermaksud 50 abad ke atas (Wahab dan Halin 2021). Oleh itu, hubungan kekerabatan dua bahasa yang berada pada peringkat **filum** menunjukkan dua bahasa itu mempunyai hubungan yang sangat jauh.

Filum bahasa ini terbahagi lagi kepada tiga peringkat kekerabatan bahasa, iaitu **makrofilum**, **mesofilum** dan **mikrofilum**. Tingkat kekerabatan yang berada pada **makrofilum** merupakan bahasa yang mempunyai usia lebih daripada 100 abad atau 1000 tahun ke atas. Manakala, tingkat kekerabatan yang berada pada peringkat **mesofilum** merupakan bahasa yang mempunyai pisah abad antara 750 tahun ke 1000 tahun (75 abad hingga 100 abad). Tingkat kekerabatan bahasa yang berada pada **mikrofilum** merupakan bahasa yang mempunyai pisah abad antara 500 tahun ke 750 tahun (50 abad hingga 75 abad). Abad pisah yang terlalu jauh ini menyebabkan dua bahasa yang berada pada peringkat filum ini mempunyai peratusan kata berkognat yang sangat rendah, iaitu sebanyak 12 peratus ke bawah.

Selain itu, bahasa yang berada pada tingkat kekerabatan **rumpun bahasa** adalah bahasa yang berusia antara 2500 hingga 5000 tahun (25 abad hingga 50 abad). Bahasa yang berada pada tingkat kekerabatan **rumpun bahasa** mempunyai peratusan kata yang berkognat yang tinggi berbanding peringkat filum, iaitu sebanyak 12 peratus sehingga 36 peratus. Dengan kata lain, dua bahasa yang dibandingkan ini mempunyai jumlah perkataan yang berkognat yang agak tinggi, iaitu tidak kurang daripada 12 peratus sehingga 36 peratus.

Seterusnya, bahasa yang berada pada tingkat kekerabatan **keluarga bahasa** adalah bahasa yang berusia antara 500 hingga 2500 tahun (5 abad hingga 25 abad). Bahasa yang berada pada tingkat kekerabatan **keluarga bahasa** mempunyai peratusan kata yang berkognat yang tinggi berbanding peringkat keluarga bahasa, iaitu sebanyak 36 peratus sehingga 81 peratus. Oleh itu, kedua bahasa yang dibandingkan ini mempunyai hubungan yang dekat dan mempunyai banyak persamaan khususnya dari aspek fonetik.

Akhir sekali, tingkat kekerabatan yang paling dekat pisah jaraknya adalah pada tahap tingkat kekerabatan **bahasa**. Dua bahasa yang berada pada tingkat kekerabatan **bahasa** ini mempunyai peratusan kata yang berkognat yang paling tinggi jika dibandingkan dengan tingkat kekerabatan pada keluarga bahasa. Peratusan kata yang berkognat bagi tahap **bahasa** ini adalah sebanyak 81 sehingga 100 peratus. Abad pisah bahasa adalah diantara 0 hingga 500 tahun (0 abad hingga 5 abad). Oleh itu, dua bahasa yang berada pada tingkat kekerabatan **bahasa** ini mempunyai persamaan dari aspek fonetik kerana mempunyai hubungan yang sangat rapat.

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan perbandingan kosa kata dasar bahasa kaum Kagayan dan kosa kata dasar bahasa Melayu Standard Johor-Riau dapat disimpulkan bahawa hubungan kedua-dua bahasa ini adalah pada tingkat kekerabatan **rumpun bahasa**. Oleh itu, perbezaan terlihat sangat jelas kerana bahasa suku kaum Kagayan mempunyai bunyi fonem yang tersendiri apabila dibandingkan dengan kosa kata dasar bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Namun begitu, pisah abad yang diantara kedua bahasa ini yang tidak begitu jauh, iaitu sekitar 25 abad hingga 30 abad menyebabkan terdapat beberapa kosa kata dasar yang berkognat diantara bahasa Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Oleh itu, dapat disimpulkan bahasa suku kaum Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau ini berada pada satu rumpun yang sama, iaitu rumpun **Austronesia**.

Jelaslah bahawa aspek bahasa suku kaum Kagayan ini telah dihuraikan dan dijelaskan secara terperinci dengan membandingkan 200 kosa kata dasar bahasa kaum Kagayan dan kosa kata dasar bahasa melayu standard Johor-Riau. Oleh itu, selanjutnya perbincangan mengenai kajian ini akan diteruskan dengan melihat elemen budaya yang terdapat dalam suku kaum Kagayan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah.

## KESIMPULAN

Kajian yang dilakukan ini menunjukkan bahawa hubungan bahasa suku kaum Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau tergolong dalam kelompok rumpun bahasa. Perkara ini dibuktikan dengan jumlah peratusan kosa kata berkognat antara kedua-dua bahasa tersebut ialah sebanyak 20.51%. Kajian ini dapat mengaitkan bahawa setiap bahasa itu mempunyai hubungan yang sedikit ataupun banyak dengan bahasa yang lain khususnya bahasa yang berada pada rumpun yang sama seperti bahasa suku kaum kaum Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau yang berada pada rumpun Austronesia. Kajian ini juga dapat menjadi rintis dalam mewujudkan kajian-kajian lain mengenai bahasa suku kaum Kagayan dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau seperti melihat aspek fonologi dalam kedua-dua bahasa ini. Hal ini demikian kerana kupasan mengenai bahasa Melayu Standard Johor-Riau ini dengan bahasa lain seperti bahasa kaum Kagayan ini dapat melihat banyak kosa kata dasar yang dipinjam daripada bahasa Melayu kerana struktur bahasa Melayu itu sendiri yang telah

mantap dan pernah melakar sejarah kegemilangan pada zaman dahulu menjadi bahasa lingua franca.

#### RUJUKAN

Carey, I. 1976. *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Oxford University Press.  
Casino, E. S. 1967. Folk-Islam in the Life Cycle of the Jama Mapun. *Philippine Sociological Review* 15(1/2): 34-48.  
Gudschinsky, S.C. 1956. The ABC'S of lexicostatistics

Mohammad Najib Masdukie (Pengarang koresponden)  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
e-mel: mohammadnajibmasdukie@gmail.com

Mohammad Rozi Kasim  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
e-mel: mrozi@fbk.upsi.edu.my

(glottochronology). *Word* 12(2): 175- 210.  
Kasim, M. R. 2021. Hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba: satu analisis perbandingan kosa kata dasar. *Jurnal Bahasa* 21(1): 41-66.  
Kridalaksana, H. 1988. Masalah metodologi dalam rekonstruksi" bahasa Melayu purba. Dlm. Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain. *Rekonstruksi dan Cabang- Cabang Bahasa Melayu Induk*. Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Norfishah Mat Rabi. 2020. Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Russin, A. M. & Crystal, D. 2002. Mengapakah bahasa mati?. *Jurnal Bahasa* 2(3): 309-333.  
Swadesh, M. 1954a. Time depths of American linguistic groupings. *American Anthropologist* 56(3): 361-377.  
Swadesh, M. (1954b). Perspectives and problems of Amerindian comparative linguistics. *Word* 10(2-3): 306-332.  
Swadesh, M. 1955. Towards greater accuracy in lexicostatistic dating. *International Journal of American Linguistics* 21(2): 121-137.  
Wahab, M. K. A. & Halin, A. K. B. C. 2021. Penentuan tingkat kekerabatan dan abad pisah antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu: Kajian linguistik sejarah dan perbandingan. *Jurnal Bahasa* 21(2): 273-304.